



#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 100-1/5/2 JLD.2 (10)

Tarikh : 30 Jun 2025

SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Dato'/YAA Dato'/YH Dato'/Tuan,

**SURAT ARAHAN OPERASI AKAUNTAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2025
- TATACARA MEMPERAKAUNKAN TERIMAAN GANTI RUGI TERTENTU DAN
DITETAPKAN (LIQUIDATED ASCERTAINED AND DAMAGES)**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Surat Arahan Operasi ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai tatacara memperakaunkan terimaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (**Liquidated Ascertained and Damages: LAD**) yang timbul daripada pelanggaran kontrak perkhidmatan/bekalan atau kontrak kerja.

2. Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan bahawa apabila Pegawai Penguasa kontrak memperakumkan terdapat LAD yang dikenakan ke atas sesuatu kontrak, amaun LAD tersebut hendaklah didebitkan daripada Vot/Dana peruntukan kontrak berkenaan dengan menggunakan Kod Jabatan dan Kod Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pembayar berdasarkan keadaan seperti berikut:

2.1 Kontrak Perkhidmatan/Bekalan

Dikreditkan ke dalam akaun hasil Denda-denda dan Rampasan (G001/H0176102).

2.2 Kontrak Kerja (Bayaran Interim)

Dikreditkan ke dalam akaun Deposit Wang Ganti Rugi (LAD) (G003/L1112123) dan memastikan Lejar Subsidiari diwujudkan dalam Sistem iSPEKS.

Amaun LAD hendaklah dikreditkan ke dalam akaun hasil Denda-denda dan Rampasan (G001/H0176102) sekiranya LAD tersebut dikekalkan dalam Perakuan Bayaran Muktamad serta memastikan Lejar Subsidiari disifarkan.

Sekiranya LAD dikecualikan, pembayaran kepada kontraktor hendaklah dicaj kepada G003/L1112123 dan memastikan Lejar Subsidiari disifarkan.

2.3 Kontrak Kerja (Bayaran Muktamad)


Dikreditkan terus ke dalam akaun hasil Denda-denda dan Rampasan (G001/H0176102) apabila LAD dikenakan dalam Perakuan Bayaran Muktamad sahaja.

3. Arahan Operasi Akauntan Negeri Bilangan 5 Tahun 2025 adalah berkuat kuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN C.A.(M))

Akauntan Negeri

b.p Pegawai Kewangan Negeri

Pahang Darul Makmur

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri